

Sejauh mana kita sedia berubah hadapi virus maut

Dari Kaca Mata



Dr Ratna Roshida Ab Razak

Profesor Madya di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia Spiritualiti dan Tamadun UPM

Tanpa visa dan dokumen perjalanan, COVID-19, satu penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus baharu, berjaya menyebarkan sempadan dunia bermula dari Timur Asia ke Eropah dan akhirnya sampai ke seluruh dunia.

Mengikut data terkini, kini lebih dua juta individu sudah dijangkiti virus dengan jumlah kematian melebihi 130,000 orang di seluruh dunia.

Virus ini berjaya menunjukkan kepada dunia kekuatannya tanpa ada diskriminasi. Ia tidak mengira warna kulit, status kehidupan, kekayaan dimiliki, umur atau warganegara.

Tiada siapa dapat menduga bahawa pada 2020 manusia di seluruh dunia perlu berhadapan dengan satu ujian yang sangat dahsyat ini.

Manusia yang mempunyai kehebatan dalam sains dan teknologi dengan pelbagai rekaan dan inovasi canggih, seperti tidak mampu menghadapinya.

Sehingga kini, dunia masih belum berupaya untuk mengawal virus mikroskopik yang berukuran nanometer ini.

Rakyat Malaysia tidak berkecuali daripada berdepan cabaran dibawa COVID-19 ini dan negara perlu akur dengan keadaan pandemik ini. Justeru, pengubahsuaian diri dikira sebagai satu kemahiran yang sangat diperlukan dalam usaha menghadapi ujian ini.

Pelbagai lensa digunakan untuk melihat tragedi pandemik yang mengubah hampir seluruh sempadan kehidupan. Bagi yang berada dalam bidang spiritualiti, pastinya tragedi sebegini menyajikan satu kupasan yang sangat

luas dan tuntas.

Kehidupan yang berasaskan spiritualiti mampu menjadikan seseorang untuk melihat apa jua ujian dan cabaran sebagai ruang atau peluang untuk meningkatkan keupayaan diri.

Menggunakan akal dan hati yang ada padanya roh, mereka mampu untuk memahami makna, tujuan dan nilai kehidupan melalui platform dunia yang dijadikan untuk manusia.

Individu seperti ini berupaya menerima keadaan dengan mudah, tenang dan berlapang dada, serta dapat memahami tentang apa yang dinyatakan oleh Tuhan-nya.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah, ayat 155 yang bermaksud: *"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar."*

Musibah pandemik seperti ini seharusnya dilihat dari sudut pandangan yang positif.

Tempoh ini adalah ruang masa terbaik untuk seseorang membina kesabaran dan kekuatan spiritual seterusnya menjadikan dirinya insan yang lebih baik berbanding sebelumnya.

Berdepan dengan situasi sebegini menuntut seseorang individu untuk bertindak dengan sebaik mungkin berbekalkan minda yang berkembang, bukannya minda yang statik.

Perkara utama yang perlu dilakukan ialah memiliki sudut pandang yang betul mengenai masalah atau ujian yang dihadapi itu.

Sebagai orang Islam contohnya, sudut pandang yang dibina seharusnya berasaskan kepada inti pati ajaran yang terdapat di dalamnya.

Ideanya agar pandangan atau gambaran yang diperoleh daripada ujian ini adalah yang betul dan boleh menjadikannya mampu untuk terus bergerak maju ke hadapan serta tidak terhenti atau putus harapan.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hadid, ayat 22 yang bermaksud: *"Tiada suatu bencana yang menimpa di bumi dan (tidak*

pula) pada dirimu sendiri melainkan telah tertulis dalam kitab (Luh Mahfuz) sebelum Kami menciptakannya. Sesungguhnya yang demikian itu adalah mudah bagi Allah."

Ayat ini memberi kekuatan un-

Ujian yang hadir pada seseorang merupakan medan untuk mendidik. Perasaan untuk sentiasa memberi bantuan atau menolong mereka yang memerlukan menjadi keutamaan dalam hidupnya kerana yakin bahawa manusia yang terbaik adalah yang banyak memanfaatkan orang lain.

tuk seseorang terus melangkah dan meletakkan segala pengharapan serta kebergantungan kepada Tuhan.

Pada masa sama terus berusaha melakukan apa yang sepatutnya kerana memahami bahawa datangnya setiap ujian itu daripada Tuhan dan kepada Tuhan jugalah diharapkan jalan penyelesaian.

Ujian yang hadir pada seseorang adalah medan untuk mendidik. Perasaan untuk sentiasa memberi bantuan atau menolong mereka yang memerlukan menjadi keutamaan dalam hidupnya kerana yakin bahawa manusia yang terbaik adalah yang banyak memanfaatkan orang lain.

Pelbagai bantuan dihulurkan, sama ada untuk golongan barisan hadapan, golongan miskin tegar yang mana pendapatan mereka terjejas ditambah pula keadaan tempat tinggal yang tidak kondusif untuk menempatkan ahli keluarga yang ramai secara serentak dan dalam tempoh yang agak lama.

Kesimpulannya, persoalan yang perlu setiap individu tanyakan ke-

pada diri mereka ialah, adakah tragedi pandemik ini berjaya membawa diri kita untuk berubah dan menjadi individu yang lebih baik?

Adakah kita sudah berupaya menggunakannya untuk berfikir secara tersusun dan strategik tentang kehidupan kita dari perspektif baharu, membantu mengingatkan bahawa ada perkara yang memang berada di luar kawalan dan memerlukan kita untuk mengembalikan perkara itu kepada Yang Maha Kuasa?

Apakah ujian ini berjaya mengajar kita untuk meletakkan keperluan orang lain mengatasi keperluan kita sendiri, walaupun perlu berdepan dengan ketidakselesaian?

Segalanya kembali kepada kita untuk menilai dan mempelajari sesuatu daripada ujian yang sangat mahal harganya.

Yakni anugerah Tuhan kepada makhluknya yang bernama manusia untuk kita kembali berlaku adil kepada Tuhan, juga kepada semua makhluk-Nya, termasuklah diri sendiri dan alam yang sedang kita diami ini.



Dua kakitangan Kementerian Kesihatan melakukan proses dekontaminasi selepas selesai melakukan proses pengambilan sampel ujian pekerja asing untuk pemeriksaan saringan COVID-19 di Kampung Baru, semalam.

(Foto BERNAMA)